

41

Strategi PSP Dan Rutin Berfikir ‘Sudut Pandangan’ Bagi Meningkatkan Kemahiran Lisan

Sekolah Rendah Yishun



Noor Faranah Mohamed Yatim

noor_faranah_mohamed@schools.gov.sg



Kusumawati Ahmad Dafir

kusumawati_ahmad_dafir@schools.gov.sg

Abstrak

Berdasarkan pemantauan guru, murid secara amnya kurang berupaya untuk mengembangkan dan menyampaikan isi secara berstruktur semasa melakukan penyampaian secara lisan. Akibatnya, prestasi murid dalam peperiksaan lisan juga terjejas. Bagi mengatasi masalah ini, Strategi PSP (Perbuatan, Sebab, Pengalaman/Pendapat) dan rutin berfikir ‘Sudut Pandangan’ telah diperkenalkan untuk membina keupayaan murid berfikir dan mengembangkan pengetahuan sedia ada mereka. Strategi yang diajarkan kepada murid semasa pengajaran lisan juga dijalankan secara latih tubi agar murid berfikir secara berulang-ulang. Hal ini dapat membantu murid mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada mereka. Dapatan kajian menunjukkan murid berjaya menyampaikan idea mereka secara berstruktur, terarah dan koheren semasa interaksi lisan dijalankan. Secara keseluruhan, kaedah yang digunakan telah berjaya meningkatkan pencapaian murid; khususnya dalam interaksi lisan.

Kata Kunci: interaksi lisan, latih tubi, rutin berfikir, sudut pandangan



PENGENALAN

Pengajaran interaksi lisan merupakan suatu pengajaran yang teknikal dan dijalankan secara konvensional. Kadang kala pembelajaran lisan membosankan bagi murid kerana kemahiran bertutur harus diajar secara eksplisit agar murid-murid dapat memahami konsep yang diajarkan.

Interaksi lisan yang berkesan di dalam bilik darjah menjadi satu medium bagi penguasaan kemahiran lisan murid. Interaksi ialah tindakan atau komunikasi aktif antara satu sama lain, tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Kepentingan interaksi lisan dan alat pembelajaran perlu diambil kira dalam perancangan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah. Oleh itu, guru mesti memberikan peluang yang secukupnya untuk murid berinteraksi secara lisan dengan meluas.

Pada umumnya, usaha untuk melengkapkan murid dengan kemahiran dan kecekapan dalam kemahiran lisan merupakan satu cabaran kerana murid lebih terdedah kepada penggunaan bahasa Inggeris pada masa kini. Oleh itu, pengajaran lisan tidak seharusnya sekadar menunjukkan dan menekankan proses pertuturan yang baik sahaja tetapi merupakan proses yang memerlukan struktur yang dapat membimbing murid untuk bertutur secara teratur dan padat. Dengan ini, murid dapat terlibat dalam proses pembelajaran secara aktif.

Guru menjalankan pengajaran terarah agar murid dibimbing dalam melakukan tugas yang berkaitan dengan kemahiran lisan. Latihan-latihan sendiri yang pelbagai juga diselitkan agar dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang seronok dan berkesan kepada murid. Hal ini kerana mereka belajar mengikut tahap kesediaan yang pelbagai. Oleh itu, murid dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai kemahiran lisan mengikut tahap kesediaan mereka

PERNYATAAN MASALAH

Pada masa ini, timbul cabaran untuk mempertingkatkan kemahiran berbahasa dan pengetahuan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Hal ini disebabkan murid kini lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama atau dominan menyebabkan kemahiran dan pengetahuan bahasa Melayu dalam kalangan

murid terbatas. Berdasarkan pengamatan guru, hampir 80% murid Darjah 5 lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris di sekolah sebagai bahasa komunikasi. Ternyata hal ini menjejaskan pencapaian murid dalam komponen lisan.

Selain itu, pengajaran dan pembelajaran (PdP) interaksi lisan di dalam bilik darjah sering juga berpusat pada guru dan bukan murid. Pelibatan setiap murid semasa PdP interaksi lisan didapati agak berkurangan. Peluang untuk murid berkomunikasi secara keseluruhan juga agak terhad kerana pembelajaran lisan dilakukan secara keseluruhan kelas.

Semasa praujian lisan dijalankan, murid-murid secara am, didapati lemah serta kurang lancar dan yakin semasa menyampaikan pendapat. Mereka kurang mahir menyusun idea secara teratur dan mengembangkan idea. Hal ini telah menimbulkan keperluan perancahan kandungan dalam proses pembelajaran untuk membantu murid memperbaiki isi lisan.


TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. memperbaiki isi lisan melalui strategi PSP; dan
2. meneliti keberkesanan pengajaran secara eksplisit melalui pembelajaran yang pelbagai.

KAJIAN LEPAS

Kajian literatur ini memberikan tumpuan khusus kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) lisan dan kemahiran lisan murid. Menurut Heywood (2000), PdP lisan ialah tugas yang direka bentuk untuk menyediakan murid dengan peluang membangunkan dan menunjukkan penguasaan pengetahuan dan bahasa mereka melalui perbualan dan persembahan. M Mojiur Rahman (2010), dalam kertas kajiannya yang bertajuk '*Teaching Oral Communication Skills: A Task-based Approach*', turut menekankan bahawa PdP lisan yang merangkumi kemahiran lisan merupakan satu proses pengalihan fakta, pendapat, perasaan dan juga nilai. Ini berlaku antara dua atau lebih orang yang melibatkan pendengaran aktif dengan kontak mata dan tatatertib semasa bertutur.



Mojibur Rahman (2010) berpegang pada pendekatan latih tubi yang amat sesuai bagi mengasah penguasaan berbahasa dan mencapai pertuturan yang berkesan. Beliau menekankan kepentingan membuat penilaian berdasarkan pengetahuan sedia ada murid dan pengalaman mereka dalam pengajaran kemahiran lisan. Selain itu, kaedah latih tubi juga membina keupayaan murid berfikir dan membina budaya berfikir di dalam kelas.

Goh, C. C. (2014) mengatakan bahawa guru harus memastikan pengajaran lisan dijalankan secara tersusun dan diajar secara eksplisit. Kaedah ini dapat menolong murid membina dan mengembangkan pengetahuan sedia ada mereka.

Sejajar dengan itu, Ron Ritchhart, Mark Church and Karin Mirrison (2011) bersetuju bahawa, strategi yang diajarkan kepada murid semasa pengajaran lisan harus dijalankan secara latih tubi. Antaranya, penggunaan rutin berfikir Sudut Pandangan (*Circle of Viewpoints*) dalam Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV), sebagai alat untuk murid berfikir secara berulang-ulang, dapat membantu murid mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada (PSA) mereka .

Terdapat pelbagai cara bagi murid mendokumentasikan pemikiran mereka secara visual. Rutin-rutin berfikir dalam Menjadikan Pemikiran Jelas yang digunakan dapat mengembangkan kognitif murid kerana ia membantu murid menyusun idea (Salmon, 2010). Rutin berfikir MTV yang digunakan dalam pengajaran dapat memandu proses pemikiran murid. Murid dapat mempelajari sesuatu maklumat, memproses maklumat dalam minda dan kemudiannya melahirkan idea mereka secara verbal.

Kajian mengenai pelbagai rutin berfikir pada tahun 2005 telah dibukukan oleh Ron Ritchhart dan David Perkins. Dapatan kajian Ron Ritchhart dan David Perkins (2005) dalam Projek Zero telah menunjukkan keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam kelas. Guru-guru yang terlibat dalam Projek Zero mampu meneroka pemikiran murid berdasarkan pemantauan dalam kelas, perbincangan guru, hasil-hasil kerja murid serta pelibatan mereka semasa rutin berfikir dijalankan dalam sesi PdP. Dengan demikian, guru dapat memahami pemikiran murid dan merancang pengajaran yang bermakna serta berkesan untuk muridnya.

Maka jelaslah daripada tinjauan literatur tersebut bahawa kebolehan mempertingkatkan kemahiran lisan dalam kalangan murid bergantung kepada PdP yang bermakna serta berkesan. PdP lisan bergantung kepada keupayaan dan komitmen guru untuk menjadikan proses PdP jelas dan terarah melalui kaedah latih tubi dan penggunaan rutin berfikir yang sesuai. Lantas, guru akan mengaplikasikan kaedah latih tubi dan rutin berfikir dalam PdP lisan bagi tujuan kajian ini.

KAEDAH KAJIAN

Jadual 1: Penerapan Aspek Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 17: Memberikan penerangan yang jelas	AM2: Melakukan Tunjuk Cara a. menerangkan bentuk soalan lisan b. Mengajar murid untuk menghubungkan apa yang dipaparkan dalam video dan kaitkan dengan Strategi PSP (Perbuatan, Sebab, Pendapat/Pengalaman) c. Mengulangkaji teknik SAMBBoB
	AP20: Menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran	AM2: Mengepam a. Menerusi sesi modeling, guru menggalakkan murid berkongsi pengalaman mereka secara sendiri b. Senarai soalan telah diberikan untuk membantu murid menceritakan pengalaman mereka secara teratur
Penilaian dan Maklum Balas	AP 24: Menyediakan Tugas yang Bermakna AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM 3: Latihan untuk Menguasai a. Mendapatkan murid menulis dalam perenggan pendek untuk setiap soalan rangsangan b. Rubrik penilaian diberikan kepada murid sebagai panduan. AM1: Maklum balas dalam bentuk komen sahaja
Penerangan dan Justifikasi	Beberapa imejan dan 3 klip video digunakan dalam kajian untuk merangsang minat murid bahkan menggalakkan mereka untuk melakukan interpretasi, membina pendapat dan kaitkan dengan pengalaman mereka. Bagi aspek penilaian, guru menggunakan AM1 semasa dan sesudah aktiviti-aktiviti dijalankan.	

Subjek Kajian

Kumpulan murid yang terlibat dalam kajian ini merupakan 28 murid Darjah 5 yang terdiri daripada 11 murid lelaki dan 17 murid perempuan. Seorang daripada murid ini berbangsa asing. Mereka terdiri daripada murid yang memiliki tahap kemahiran tinggi dan sederhana.

Jadual 2: Profil Penggunaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid

Para murid...	Sering	Kadang-kadang	Jarang
berminat dalam Bahasa Melayu	57.1 %	42.8 %	0%
bertutur dalam bahasa Melayu di rumah	21.4%	10.7%	67.8%
bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan sebaya	17.9%	7.1%	75%

Berbandukan tinjauan yang dilakukan berkaitan subjek kajian, walaupun masih ramai yang menunjukkan minat dan kecenderungan terhadap bahasa Melayu, namun peratusan mereka yang sering menggunakan bahasa Melayu di rumah amat rendah, iaitu 21.4% sementara 10.7% murid pula hanya kadang-kadang sahaja bertutur dalam bahasa Melayu di rumah. Trend yang sama dapat dilihat di sekolah juga.

Hasil daripada penilaian yang dijalankan pada bulan Mei, guru mendapati bahawa penerangan murid mengenai kandungan klip video yang mereka tonton amat terhad dan mereka memerlukan masa yang panjang untuk menjawab pertanyaan guru pemeriksa. Malah, mutu isi jawapan yang diberi berbentuk terlalu asas. Murid tidak dapat meluahkan perasaan dan pandangan dengan mendalam. Perkembangan respons murid agak terbatas dan ada juga murid yang menjawab dengan hanya menggunakan dua atau tiga patah perkataan. Ramai murid tergamam dan kaku apabila diajukan soalan ketiga di mana murid diminta memberikan saranan atau pendapat mereka.

Instrumen Kajian


Reka bentuk kajian merupakan perbandingan dapatan sebelum dan sesudah penggunaan strategi PSP (Perbuatan, Sebab, Pengalaman/Pendapat) dan rutin berfikir Sudut Pandangan. Murid tidak terbahagi kepada kelompok kawalan atau kelompok bebas. Instrumen lain bagi kajian ini merupakan lembaran kerja interaksi lisan dan klip-klip video yang didapatkan dari laman Internet.

Prosedur Kajian

Berikut merupakan prosedur kajian.

1. Pelaksanaan: praujian dan pascaujian dalam bentuk lisan bagi setiap murid.
2. Penerangan: Matlamat pembelajaran, iaitu memperbaiki kemahiran lisan murid telah diperkenalkan. Dua kaedah diberikan penekanan untuk mencapai matlamat pembelajaran, iaitu strategi PSP dan rutin berfikir Sudut Pandangan.

Rajah 1: Templat Perbuatan – Sebab – Pengalaman/Pendapat (PSP)



Melalui strategi PSP yang bermaksud Perbuatan–Sebab–Pengalaman/ Pendapat, murid dibantu untuk menyusun idea dan memberikan respons yang lebih luas terhadap soalan-soalan lisan dengan lebih berstruktur dan koheren.

3. Pemulihan: Sesi pemulihan dijalankan selama 8 minggu. Dalam sesi intervensi yang pertama, guru memperkenalkan pakej interaksi lisan yang mengandungi penggunaan strategi PSP dan diintegrasikan dengan rutin berfikir Sudut Pandangan. Murid juga didedahkan kepada pencernaan kosa kata bagi Kata Nama, Kata Kerja dan Kata Adjektif yang berkaitan dengan video-video yang ditunjukkan. Murid akan mencerna kosa kata ini dengan bimbingan guru. Ini akan memberikan murid peluang untuk mengaplikasinya dalam ayat-ayat lisan mereka kelak. Video pertama yang bertajuk 'Tanggungjawab' telah digunakan. Guru menggunakan kaedah modeling dan juga latihan terbimbing. Murid akan dibimbing untuk menggunakan strategi PSP untuk menjawab soalan-soalan rangsangan interaksi lisan. Murid kemudian akan menulis perenggan pendek untuk setiap soalan rangsangan.


- Guru telah menggunakan kaedah latih tubi untuk PdP mengenai strategi PSP dan diintegrasikan dengan rutin berfikir Sudut Pandangan bagi video-video yang lain iaitu 'Bantu-membantu' dan 'Meluangkan Masa Bersama Keluarga'.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dua ujian telah dijalankan. Ujian pertama dijalankan sebelum strategi PSP diperkenalkan kepada murid-murid dan ujian kedua dijalankan setelah strategi ini diperkenalkan. Berdasarkan perbandingan markah praujian dan pascaujian, terdapat peningkatan pada markah ujian murid-murid tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan nilai purata bagi praujian ialah 12.71 manakala bagi pascaujian, nilai purata meningkat kepada 21.11. Ini menunjukkan hubungan yang positif antara strategi PSP dengan kemahiran interaksi lisan murid. Sila rujuk Rajah 2.

Rajah 2: Perbandingan Markah Praujian dengan Pascaujian



Guru telah menggunakan pengajaran secara eksplisit melalui pembelajaran yang pelbagai. Murid pada mulanya tidak yakin untuk mengaplikasikan apa yang telah diajarkan guru. Namun, setelah dirangsang oleh guru, murid dapat melakukan dengan lebih baik setelah dilatih tubi. Pencapaian ini membuktikan bahawa strategi pengajaran ini berkesan kerana ia didapati telah membantu murid menjadi lebih yakin semasa bertutur. Selepas menjalani beberapa latihan yang berstruktur menggunakan strategi

PSP dan penggunaan kaedah rutin berfikir Sudut Pandangan, murid dapat mengembangkan idea mereka dengan lebih tersusun, jelas dan menarik selaras dengan pendapat Mojibur Rahman (2010). Hasil kajian ini amat memberangsangkan kerana strategi yang dibina telah menunjukkan hasil yang positif. Daripada pemerhatian yang dijalankan, murid didapati terlibat dengan aktif dalam proses pembelajaran. Suasana pengajaran dan pembelajaran lebih ceria dan bersemangat. Untuk memahami pemikiran murid, guru juga membuat pemantauan semasa aktiviti ini dijalankan dalam kelas. Selain memberikan penilaian dan maklum balas secara spontan kepada murid, rubrik penilaian juga diberikan kepada murid sebagai panduan.

Jadual 1: Borang Tinjauan dan Respons Murid

No	Item	Peratusan (%)	
		Setuju	Tidak setuju
1	Objektif pelajaran jelas dan tercapai.	100 (28)	-
2	Tugasan yang diberikan menarik.	92.8 (26)	7.2 (2)
3	Saya digalakkan untuk mengaplikasikan strategi PSP dan rutin berfikir.	96.4 (27)	2.6 (1)
4	Saya menikmati penggunaan strategi PSP dan memahami penerangan guru menggunakan strategi PSP.	100 (28)	-
5	Saya dapat belajar pengetahuan dan kemahiran baharu.	100 (28)	-

Nota: Angka dalam kurungan ialah jumlah murid.

Berdasarkan borang refleksi dan hasil kerja murid, guru dapat melihat keberkesanan strategi PSP dalam memperbaiki isi lisan murid. Penggunaan kaedah latih tubi dan rutin berfikir dalam PdP interaksi lisan dalam menyediakan latihan dapat membimbing murid dalam pembelajaran dan penilaian sendiri. Strategi PSP dan kaedah yang digunakan membolehkan murid-murid melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Malah, kerjasama dan persefahaman murid dalam menjalani pembelajaran secara sendiri dapat dilihat dengan jelas. Dapatan juga menunjukkan bahawa murid memberi respons yang baik iaitu secara amnya, mereka telah dapat melakukan interpretasi, membina pendapat dan mengaitkan dengan pengalaman mereka. Rujuk Jadual 1.

Jadual 2: Respons Murid tentang Strategi

Murid A	Strategi PSP sangat penting dalam membantu saya untuk kemahiran lisan dan mudah untuk digunakan.
----------------	--

Murid B	Dengan menggunakan strategi PSP, saya boleh bertutur dengan lancar. Ia juga strategi yang boleh saya gunakan dalam karangan.
Murid C	Strategi PSP membuat saya lebih yakin dalam lisan saya. Saya dapat lihat peningkatan dalam markah lisan saya.

Murid juga memberikan respons yang positif mengenai strategi yang digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan PdP. Murid berpendapat bahawa strategi PSP yang diperkenalkan sangat membantu mereka bagi meningkatkan kemahiran lisan mereka. Murid berasa lebih yakin untuk bertutur dan mendapati mereka mampu berinteraksi dengan lancar menggunakan strategi PSP. Rujuk Jadual 2 sebagai contoh.

CADANGAN

Strategi ini boleh disarankan untuk diperkenalkan kepada peringkat yang lebih rendah, iaitu peringkat Darjah 4. Dengan memperkenalkan strategi PSP di peringkat yang lebih rendah akan memberikan murid peluang untuk memahami proses dan memperkukuh kemahiran mereka hingga ke peringkat Darjah 5. Guru disarankan untuk menggunakan strategi yang sama bagi murid di peringkat Darjah 6. Dengan penekanan pada penggunaan proses pembelajaran yang berkesan, diharapkan kemahiran murid dapat dipertingkatkan dan lebih bersedia untuk menghadapi ujian akhir tahun atau peperiksaan nasional di peringkat PSLE pula.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian pembelajaran yang dilaksanakan berjaya menepati keperluan murid. Praujian yang diberikan kepada murid membantu guru untuk mengenal pasti keperluan serta kesukaran murid dalam menyusun jawapan dan mengembangkan isi bagi kemahiran interaksi lisan. Berbekalkan dapatan ini, guru dapat merancang pelajaran dan memperkenalkan strategi PSP dan kaedah latihan tubi yang menepati keperluan murid.

Strategi PSP sebagai perancangan kandungan untuk kemahiran lisan ternyata dapat meningkatkan keyakinan murid dalam bertutur dengan lebih terarah dan berkesan. Malah, melalui strategi tersebut, murid dapat menghubungkan pengetahuan sedia ada dan pengalaman mereka dalam memberi penerangan yang menyokong pendapat mereka.

Kaedah latih tubi pula telah membantu murid membina keupayaan berfikir dan membina budaya berfikir di dalam kelas. Mereka berjaya mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada.

Penggunaan rutin berfikir, sudut pandangan, juga membantu murid memahami dan mendalami perspektif yang berbeza. Murid berupaya mendalami watak dalam video tersebut dan memberikan penerangan mengenai perbuatan tersebut. Pendapat mereka mengenai perbuatan watak tersebut juga tidak terbatas kepada pendapat yang berbentuk *moral reasoning* atau penaakulan moral yang fokus kepada penilaian sesuatu tingkah laku itu sama ada salah atau betul.

Justeru, guru harus memastikan pengajaran interaksi lisan harus dijalankan secara tersusun dan diajar secara eksplisit. Kaedah ini dapat menolong murid membina dan mengembangkan pengetahuan sedia ada mereka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:


1. Nurhayati Nasir

RUJUKAN

Goh, C. C. (2014). *Reconceptualising second language oracy instruction: Metacognitive engagement and direct teaching in listening and speaking*. *AJELP: Asian Journal of English Language and Pedagogy*, 2, 1-20.

Heywood, J. (2000). *Assessment in higher education: Student learning, teaching, programmes and institutions*. London: Jessica Kingsley Publication.

[https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovider6/ml-poetry-sg50/seminar-bahasa-melayu-2019/kertas-kerja-sesi-hidang-selari/3-kaedah penyoalan-dan-penerapan-ict-dalam-pengajaran-lisan-berdasarkan-klip-video.pdf](https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovider6/ml-poetry-sg50/seminar-bahasa-melayu-2019/kertas-kerja-sesi-hidang-selari/3-kaedah%20penyoalan-dan-penerapan-ict-dalam-pengajaran-lisan-berdasarkan-klip-video.pdf)



https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovider6/ml-poetry-sg50/seminar-bahasa-melayu-2018/kertas-kerja-sesi-sidang-selari/paper-03.pdf?sfvrsn=85606095_2

M. Mojibur Rahman (2010). *Teaching oral communication skills: A task based approach*. ESP World, Issue 1 (27), Volume 9, <http://www.esp-world.info>

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Ron Ritchhart, Mark Church and Karin Mirrison (2011). *Making thinking visible*. San Francisco, CA: Jossey Bass.